



**GARIS PANDUAN PROGRAM MOBILITI PELAJAR  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH  
(UniSHAMS)**

## **1.0. PENDAHULUAN**

### **1.1. Latarbelakang Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat & Pengantarabangsaan (PSHA)**

Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat & Pengantarabangsaan (PSHA) telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2016. Unit ini telah diletakkan dibawah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa. Pada 3 Mei 2016, melalui Mesyuarat Lembaga Kali Ke 27 Bil. (02/2016).

### **1.2. Visi PSHA**

Menjadi pusat kecemerlangan bagi melahirkan modal insan yang berilmu dan sentiasa menguasai ilmu.

### **1.3. Misi PSHA**

Bergerak ke arah mewujudkan persekitaran pembelajaran sepanjang hayat kepada masyarakat dan sebagai platform dalam membina hubungan antarabangsa yang kukuh bagi memudahkan aktiviti pertukaran ahli akademik,penyelidik dan pelajar serta meningkatkan aktiviti promosi dan pengambilan di peringkat antarabangsa.

### **1.4. Objektif PSHA**

PSHA ditubuhkan dengan objektif utama untuk berkhidmat sebagai badan pusat tanggungjawab bagi menerajui, menyelia, menyelaraskan dan menguruskan program-program antarabangsa UniSHAMS dari segi perkhidmatan; dan sumber-sumber yang sedia ada.


1. Mempromosi perkongsian dan penyebaran Ilmu kepada masyarakat
2. Mengukuhkan hubungan akademik dan budaya di peringkat antarabangsa
3. Menguruskan pelaksanaan program francais

Bahagian ini juga menerajui perancangan strategik universiti; dan inisiatif dalam program pengantarabangsaan akademik dan bukan akademik. Ini adalah perlu bagi mencapai kesepaduan dan integrasi program serta perkhidmatan antarabangsa uniSHAMS. Bagi mencapai objektif di atas, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat & Pengantarabangsaan akan disokong oleh 2 unit iaitu:

1. Unit Sepanjang Hayat
2. Unit Kerjasama & Antarabangsa

## 2.0. CARTA ORGANISASI

Carta Organisasi Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat & Pengantarabangsaan (PSHA)



### **3.0. PENGENALAN KEPADA PROGRAM MOBILITI**

#### **3.1. Program mobiliti bertujuan:**

- 3.1.1. Memberi peluang kepada pelajar uniSHAMS untuk mengikuti pembelajaran disamping menimba pengalaman di luar negara serta mendedahkan mereka kepada sosio-budaya dan persekitaran yang berbeza.
- 3.1.2. Mengembangkan wawasan pelajar dengan memberi peluang untuk menonjolkan Bakat, mengetengahkan cara pemikiran serta meningkatkan keyakinan diri.
- 3.1.3. Mengalakkan penglibatan pelajar uniSHAMS dalam sistem pengajian tinggi yang Global, kompetitif dan mencabar.

#### **3.2. Program mobiliti ini dilaksanakan bagi:**

- 3.2.1. **Program Mobiliti Berkredit** dan **Tanpa Kredit** untuk program mobiliti secara *Outbound* (ke luar negara) dan terbuka kepada pelajar prasiswazah dan siswazah. **(Rujuk Jadual 1)**.
- 3.2.2. Mengalakkan pelajar UniSHAMS mengambil peluang sedia ada untuk mengikuti Program mobiliti dengan universiti / institusi luar Negara yang mempunyai hubungan kerjasama dengan UniSHAMS melalui MoU/MoA seperti Indonesia, Thailand, Brunei dan lain-lain.

Jadual 1:  
**MOBILITI BERKREDIT DAN TANPA KREDIT**

BIL.	PERKARA	MOBILITI BERKREDIT	TANPA KREDIT
1.	Jenis Mobiliti	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Program Pertukaran</li> <li>➤ Program Latihan Industri</li> <li>➤ Program Latihan Ilmiah/Penempatan Klinikal Elektif</li> <li>➤ Program Jangka Pendek</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Program Kursus Jangka Pendek 1 Hari Ke 3 Bulan minimum 8 Jam Secara Atas Talian (Online @ Virtual).</li> <li>➤ Kajian lapangan</li> <li>➤ Program Lawatan Sambil Belajar yang diluluskan oleh Jawatankuasa Peringkat Universiti.</li> </ul>
2.	Mobiliti Terlibat	Outbound	Outbound
3.	Kredit	Ada	Tiada
4.	Tempoh	<b>Program Pertukaran Pelajar</b>	Minimum 2 minggu (14 hari)
2.	Justifikasi Program	<p>i. Pelajar UniSHAMS pergi ke universiti luar negara dalam tempoh 1 semester; iaitu melibatkan pemindahan kredit serta perlu menghadiri kelas/tutorial.</p>	<p>i. Pelajar UniSHAMS yang menghadiri program seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Summer program</i> (dianjurkan oleh institusi luar negara).</li> <li>• Mengenal budaya, sejarah bahasa dan sistem pendidikan.</li> </ul> <p>ii. Pelajar UniSHAMS pergi ke luar negara untuk menjalani latihan ilmiah. Satu program pengantarabangsaan yang menggalakkan pelajar UniSHAMS untuk melawat universiti di luar negara dan melakukan aktiviti akademik seperti pembentangan kajian, menyertai seminar, program pertukaran budaya dan khidmat masyarakat.</p>

## **4.0. POLISI PROGRAM MOBILITI**

### **4.1. Objektif**

Objektif bagi program mobiliti ialah:

- 4.1.1. Memperluaskan aktiviti di bawah MoU/MoA yang telah ditandatangani oleh uniSHAMS dengan universiti dalam dan luar negara.
- 4.1.2. Memperluaskan pengalaman pendidikan bagi pelajar UniSHAMS.
- 4.1.3. Meningkatkan kefahaman pelajar mengenai isu dan perspektif global berkaitan dengan bidang ilmu yang diceburi.
- 4.1.4. Membolehkan pelajar mengamalkan ilmu yang dipelajari.
- 4.1.5. Melatih pelajar sebagai duta kecil UniSHAMS dan Malaysia; dan
- 4.1.6. Mencemerlangkan pelajar UniSHAMS agar mereka menjadi graduan yang berwibawa, pencetus ilmu dan pemangkin keserjanaan yang dihormati dan relevan kepada Negara dan masyarakat global.

## **5.0. PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN**

5.1. Segala keputusan berkaitan Program Mobiliti akan diputuskan oleh Jawatankuasa Program Mobiliti Pelajar UniSHAMS.

5.2. Ahli Jawatankuasa

Jawatankuasa Program Mobiliti Pelajar dianggotai ahli-ahli seperti berikut:

1. Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (Pengerusi)
2. Pengarah Pusat Pengurusan Akademik (Ahli tetap)
3. Pengarah Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat & Pengantarabangsaan , sebagai urusetia program (Ahli tetap)
4. Dekan-Dekan Kulliyah
5. Pengarah Pusat Pengajian yang terlibat

5.3. Peranan Jawatankuasa

Antara tugas dan peranan jawatankuasa adalah:

- 3.1 Menyemak dan meluluskan permohonan program mobiliti yang dikemukakan.
- 3.2 Mempertimbangkan peruntukan kepada pelajar yang akan menjalankan program mobiliti untuk kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (JPE).

- 3.3 Urusetia bagi Jawatankuasa Program Mobiliti adalah Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat & Pengantarabangsaan (PSHA)

## **6.0. KELAYAKAN DAN SYARAT PERMOHONAN**

1. Permohonan mestilah pelajar UniSHAMS
2. CGPA 2.75 dan keatas
3. Merit aktiviti pelajar memuaskan
4. Penguasaan Bahasa Arab/Bahasa Inggeris yang baik
5. Permohonan mobiliti mestilah mempunyai elemen akademik
6. Lulus temuduga peringkat Kulliyah/Pusat yang terlibat

## **7.0. TANGUNGGAN PELAJAR**

Pelajar perlu menanggung yuran-yuran lain seperti penginapan, pengangkutan, penerbangan, perpustakaan, makmal dan sebagainya atau sebagaimana yang telah dipersetujui oleh UniSHAMS dan Universiti penganjur.

## **8.0. PROSES PERMOHONAN**

1. Pelajar perlu mengisi:
  - 1.1. Borang Permohonan Program Pertukaran Pelajar (Lampiran 1)
  - 1.2. Mengemukakan kertas kerja berkaitan program yang hendak dipohon
2. Pemohon hendaklah menghantar kertas kerja dan borang permohonan yang telah lengkap kepada pihak kulliyah berserta lampiran berikut:
  - 2.1. Transkrip akademik terkini (disahkan).
  - 2.2. Sekeping gambar bersaiz pasport.
  - 2.3. Salinan kad pengenalan yang disahkan.
  - 2.4. Salinan muka depan pasport antarabangsa.
  - 2.5. Dokumen lain yang berkaitan (jika diperlukan).
3. Pihak kulliyah menghantar semua permohonan serta dokumen pemohon kepada PSHA.
4. PSHA akan membuat tapisan awal permohonan, menyemak dan mencalonkan permohonan ke Jawatankuasa Program Mobiliti Pelajar UniSHAMS.
5. PSHA akan memaklumkan kepada pihak kulliyah keputusan permohonan untuk dimaklumkan kepada pelajar yang berkaitan.

*Rujukan:*

*Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan & Perancangan Akademik Kali Ke 74 (08/2021) bertarikh 06.10.2021*